

01 JUL 2003

ABDULLAH-BANK/I

PUSINGAN KEDUA PENGGABUNGAN BANK TERPULANG KEPADA BANK NEGARA, KATA
ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 1 Julai (Bernama) -- Terpulang kepada Bank Negara Malaysia untuk memutuskan bila atau bagaimana pusingan kedua penggabungan industri perbankan negara akan dilaksanakan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini.

Mengenai sama ada terdapat sebarang had bagi bank-bank asing apabila industri dibukakan dengan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (AFTA) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Abdullah berkata kerajaan akan mengkaji situasi itu dan memberi maklum balas dengan sewajarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan tama di Persidangan Kumpulan Kepimpinan Standard Chartered, di sini, hari ini.

"Kami akan mengkaji situasi itu. Apa yang perlu kami lakukan adalah kami mahu memastikan bahawa apa sahaja yang negatif kepada kami, kami akan menanganinya dengan segera dan bertindak balas dengan sewajarnya," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata dalam berdepan dengan globalisasi dan liberalisasi Malaysia akan membukakan pintunya dan bukan mengamalkan dasar melindungi industri negara sendiri.

Beliau berkata Malaysia merupakan satu daripada lima ekonomi paling globalisasi di dunia dengan jumlah nilai perdagangan berganda daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Kita faham, kita memerlukan masa untuk membolehkan institusi kita membina kapasiti yang diperlukan untuk menjadi peserta yang efektif," katanya.

Abdullah yang akan mengambil alih tugas Perdana Menteri apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatannya pada Oktober berkata beliau secara peribadinya yakin dengan masa depan negara.

Malaysia mempunyai golongan belia yang bertenaga dan kreatif dengan lebih 65 peratus daripada penduduk negara kini berusia di bawah 40 tahun, katanya.

Dengan prasarana yang cemerlang, sebilangan besar pekerja terlatih dan institusi serta undang-undang yang dibangunkan, negara akan terus terbuka dan terlibat dengan komuniti perniagaan bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi, kata Abdullah.

Menyentuh mengenai peranan sistem penyediaan perkhidmatan awam, beliau berkata ketika meletakkan rangka kerja bagi tadbir urus korporat, tadbir urus yang baik dalam perkhidmatan awam juga perlu dipastikan.

Dalam hal ini, Jawatankuasa Kabinet bagi Daya Saing Negara telah menghabiskan banyak masa dan sumbernya untuk mencari jalan bagi meningkatkan perkhidmatan sektor awam, kata Abdullah yang juga pengerusi jawatankuasa itu.

Sementara itu di persidangan Standard Chartered hari ini, beliau berharap ia akan dapat menyediakan pemahaman yang lebih jelas mengenai Malaysia kepada perwakilan yang menyertainya.

Acara tahunan yang berlangsung selama tiga hari itu bermula hari ini telah mengumpulkan bersama-sama 130 pengurus bukan sahaja daripada ibu pejabat korporat bank itu di London tetapi juga dari lebih 50 negara di seluruh dunia.

-- BERNAMA